



## MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

# KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan 'Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GREDE KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	KERJA-KERJA PEMANGKASAN POKOK TEDUHAN DI JALAN TELUK KETAPANG DAN SEKITARNYA, KUALA NERUS ( MBKT SH 55 / 2025 )	<b>Gred : G1</b> <b>Kategori : CE</b> <b>Pengkhususan : CE14</b>	<b>RM20.00</b>
2	KERJA-KERJA PEMANGKASAN POKOK TEDUHAN DI JALAN GONG KUIN DAN SEKITARNYA, KUALA NERUS. (MBKT SH 56 /2025 )		
3	KERJA-KERJA PEMANGKASAN POKOK TEDUHAN DI JALAN BUKIT KECIL DAN SEKITARNYA, KUALA TERENGGANU. (MBKT SH 57 /2025 )		
4	KERJA-KERJA PEMANGKASAN POKOK TEDUHAN DI JALAN TOK JEMBAL DAN SEKITARNYA, KUALA NERUS. (MBKT SH 58 /2025 )		

- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 14, Menara MBKT, Jabatan Landskap, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**
- Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor dengan membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga. **Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Sebutharga.**
- Dokumen Sebut harga akan dijual mulai pada hari **RABU 19 MAC 2025** hingga **RABU 26 MAC 2025** yang boleh dibuat secara Wang Tunai / Deraf Bank yang dibuat atas nama:  
**"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"**
- Sebut harga ini akan ditutup pada hari KHAMIS 27 MAC 2025.** Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan "**Tajuk**" dan "**No. Sebut Harga**" berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan di Tingkat 18 , Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum jam **12.00** tengah hari pada tarikh tutup tawaran.
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
- Penyebut Harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

( DATO' HAJI ROSLI BIN LATIF )

Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu